DRAF KONTRAK PERKHIDMATAN UNTUK PEKERJA KONTRAK PEKEBUN KECIL

Borang contoh ini disediakan oleh The Centre sebagai sebahagian daripada projek bersama yang dibiayai oleh Kementerian Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Persekutuan Jerman (BMZ) serta dilaksanakan oleh Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH dan Nestlé. Contoh ini dibuat untuk membantu pekebun kecil menyediakan kontrak yang betul dan meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab majikan serta hak pekerja di bawah undang-undang.

Kontrak Perkhidmatan ini dibuat pada [tarikh] _____, di antara:

Majikan Utama	Pekerja	**Kontraktor/Agensi**
Nama:_____	Nama:_____	Nama: _____
No. KP / No. Syarikat:	No. KP / Pasport:	No. KP / No. Syarikat.:
_____	_____	_____
Alamat:_____	Alamat: _____	Alamat: _____
	Warganegara:_____	

1. **Pengambilan Pekerja dan Imigresen**

   Kedua-dua pihak bersetuju bahawa: (Sila tanda ✓)

   ☐ Pekerja mempunyai hak sah untuk bekerja di Malaysia
   ☐ Majikan akan mematuhi undang-undang buruh dan imigresen yang sah
   ☐ Tiada sebarang yuran pengambilan pekerja akan dikenakan kepada Pekerja
   ☐ Pekerja hendaklah menyimpan dan memegang sendiri pasport atau dokumen pengenalan dirinya.
   ☐ Pekerja bebas bergerak dan keluar dari tempat kerja atau asrama selepas waktu kerja (tertakluk kepada peraturan ladang yang munasabah).
   ☐ Majikan dan Pekerja telah menerima satu salinan Lampiran A: Piawaian Pekerjaan.

2. **Jawatan dan Tugas Kerja**

   Pekerja diupah sebagai Pekerja Ladang di kebun kelapa sawit Majikan yang terletak di **[lokasi]_____**. Tugas-tugas utama termasuk:

   - Menuai buah tandan segar (BTS) kelapa sawit.
   - Memotong pelepah (pruning), merumpat, dan mengutip buah lerai.
   - Menabur baja dan menjaga kebersihan kebun.
   - Sebarang kerja kebun lain yang munasabah seperti yang diarahkan.

3. **Jenis dan Tempoh Kerja**

   Jenis Kerja:

   ☐ Pekerja Tetap
   ☐ Pekerja Kontrak Tempoh Tertentu
   ☐ Pekerja Sambilan / Pekerja Harian

Tarikh Mula Kerja:_____
Tarikh Tamat Kerja (jika ada): _____
Bagi Pekerjaan Sambilan / Harian, kerja boleh ditawarkan berdasarkan keperluan semasa dan bayaran hendaklah dibuat mengikut kadar harian, mingguan atau berdasarkan tugasan yang telah dipersetujui.

Mana-mana pihak berhak untuk menamatkan kontrak ini mengikut peruntukan yang dinyatakan dalam Klausa 11.

4. Waktu Bekerja

- Hari bekerja: _____ [Contoh: Isnin hingga Sabtu]
- Waktu bekerja: _____[e.g. 8:00 a.m. – 5:00 p.m.]
- Pekerja mesti diberikan sekurang-kurangnya satu (1) hari cuti rehat setiap minggu.
- Bayaran untuk cuti umum, kerja lebih masa (OT), kerja pada hari rehat, dan kerja pada cuti umum akan dibayar mengikut undang-undang buruh Malaysia (Rujuk Lampiran A).

5. Kelayakan Cuti

- Pekerja layak mendapat hari rehat, cuti umum, dan kebajikan lain mengikut undang-undang buruh Malaysia. Sila rujuk Lampiran A untuk maklumat lanjut tentang cuti tahunan dan cuti sakit.

6. Gaji/Upah

- Gaji Asas: RM _____ se ☐ hari ☐ minggu ☐ bulan
- Kaedah Pembayaran: ☐ Tunai ☐ Pemindahan Wang Melalui Bank.
- Kekerapan Bayaran: ☐ Seminggu sekali ☐ Dua minggu sekali ☐ Sebulan sekali

Kadar gaji mestilah mematuhi Perintah Gaji Minimum yang sah di Sabah.

Nota untuk Majikan:
Majikan mesti menyimpan rekod ringkas tentang:

- Hari bekerja
- Kadar gaji
- Potongan gaji (jika ada)
- Jumlah gaji yang telah di bayar

Bagi Pekerja Sambilan / Harian, pembayaran upah hendaklah dibuat berdasarkan kadar harian, mingguan atau kadar mengikut tugasan yang diselesaikan, sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

7. Tempat Tinggal dan Makanan (Jika ada)

☐ Tempat tinggal disediakan oleh Majikan.
☐ Makanan disediakan oleh Majikan.
Tempat tinggal mestilah:

- Selamat

- Bersih
- Sesuai untuk didiami oleh manusia

Sebarang potongan gaji untuk tempat tinggal atau makanan mestilah sah, munasabah, dan dipersetujui oleh Pekerja.

8. Peralatan dan Kelengkapan Kerja

- Majikan hendaklah menyediakan peralatan dan kelengkapan kerja asas yang diperlukan untuk melaksanakan tugas.
- Pekerja hendaklah menggunakan peralatan dan kelengkapan tersebut secara bertanggungjawab, selamat dan mengikut arahan yang diberikan.

9. Keselamatan dan Kesihatan

- Pekerja mesti mengikut semua arahan keselamatan.
- Majikan akan menyediakan persekitaran kerja yang selamat.
- Pekerja mesti melaporkan sebarang kecederaan atau kemalangan dengan segera.
- Majikan akan merekod dan melaporkan kemalangan di tempat kerja kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP/DOSH) jika perlu.

10. Saluran Aduan

Pekerja berhak mengemukakan kebimbangan atau aduan tanpa dikenakan sebarang bentuk tindakan balas atau penganiayaan melalui

- Majikan
- Kontraktor atau Agensi (jika berkenaan)
- Mekanisme Aduan dan Rungutan MSPO
  Laman web: https://emspo.org.my/public/complaints
  Email: complaints@mspo.org.my
  Telefon: +603 5569 9676

11. Penamatan Perkhidmatan

Mana-mana pihak boleh menamatkan kontrak ini dengan memberikan:

- Tempoh notis: _____ hari (contohnya, 7 atau 14 hari), atau
- Bayaran sebagai ganti notis
- Penamatan serta-merta boleh dibuat sekiranya berlaku salah laku serius.

12. Tatatertib

Pekerja hendaklah:

- Mematuhi peraturan ladang dan arahan yang diberikan.
- Menepati masa dan bersikap jujur.
- Tidak terlibat dalam kecurian, keganasan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang.

13. Undang-undang yang Mentadbir

Kontrak ini hendaklah ditadbir oleh Ordinan Buruh Sabah (Bab 67), sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa, serta semua peraturan dan perundangan subsidiari yang terpakai.

Kontrak ini merupakan keseluruhan perjanjian antara Majikan, Pekerja dan Agensi (jika berkenaan).

Tandatangan Majikan:_____	**Tandatangan Pekerja**:_____	**Tandatangan Agensi**:_____
Tarikh:_____	**Tarikh**:_____	**Tarikh**:_____

Pengakuan

Majikan dan Pekerja mengakui bahawa mereka telah menerima, membaca dan memahami Lampiran A: Piawaian Pekerjaan.

Inisial Majikan: _____

Inisial Pekerja: _____

LAMPIRAN A (Standard Minimum Pekerjaan)

1. **Gaji Minimum**
   Pekerja berhak menerima sekurang-kurangnya gaji minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

2. **Waktu Bekerja**
   - Waktu bekerja biasa tidak boleh melebihi had yang dibenarkan di bawah undang-undang buruh Malaysia (45 jam seminggu).
   - Pekerja berhak mendapat waktu rehat dan sekurang-kurangnya satu hari rehat setiap minggu.

3. **Kerja Lebih Masa**
   - Apabila pekerja dikehendaki bekerja melebihi waktu bekerja biasa, mereka lazimnya berhak menerima bayaran kerja lebih masa.
   - Di bawah undang-undang buruh Malaysia

Jenis Kerja	Kadar Minimum
Kerja lebih masa pada hari bekerja biasa	1.5 × kadar upah sejam
Bekerja pada hari rehat	2 × kadar upah harian
Bekerja pada hari kelepasan am	3 × kadar upah sejam

4. **Hari Kelepasan Am**
   Pekerja berhak mendapat hari kelepasan am bergaji mengikut Ordinan Buruh Sabah.

5. **Cuti Tahunan**
   - Tiada deposit atau penalti kewangan boleh dikenakan kerana mengambil cuti atau kembali bekerja.
   - Pekerja yang telah berkhidmat secara berterusan berhak mendapat cuti tahunan bergaji seperti berikut:

Tempoh Perkhidmatan	Cuti Tahunan Minimum
Kurang daripada 2 tahun	8 hari
2–5 tahun	12 hari
Lebih daripada 5 tahun	16 hari

6. **Cuti Sakit**
   - Pekerja berhak mendapat cuti sakit bergaji apabila disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar:

Tempoh Perkhidmatan	Cuti Sakit
Kurang daripada 2 tahun	14 hari
2–5 tahun	18 hari
Lebih daripada 5 tahun	22 hari

- Pekerja juga boleh layak mendapat cuti kemasukan ke hospital sehingga 60 hari setahun. Sijil perubatan diperlukan dan cuti tersebut hendaklah dibayar pada kadar upah biasa.

7. Kebebasan Bergerak

Pekerja hendaklah:

- Menyimpan sendiri pasport dan dokumen pengenalan diri mereka.
- Bebas keluar dari tempat penginapan di luar waktu bekerja.
- Tidak dipaksa untuk bekerja.

8. Buruh Kanak-kanak dan Pekerja Muda

- Kanak-kanak di bawah umur minimum bekerja tidak boleh diambil bekerja.
- Pekerja muda hanya boleh melakukan kerja yang bersesuaian dengan umur mereka dan tidak boleh didedahkan kepada kerja berbahaya.

9. Yuran Pengambilan Pekerja

Pekerja tidak sepatutnya membayar yuran pengambilan pekerja atau kos berkaitan pada mana-mana peringkat proses pengambilan, termasuk di negara asal sebelum tiba di Malaysia.

10. Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Asas

Sekiranya penginapan disediakan oleh Majikan, penginapan tersebut hendaklah:

- Selamat, bersih dan sentiasa dalam keadaan baik.
- Melindungi pekerja daripada hujan, panas dan keadaan cuaca lain.
- Mempunyai pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi.
- Mempunyai akses kepada air minuman yang selamat.
- Mempunyai tandas serta kemudahan mencuci dan mandi.
- Memberikan pekerja privasi dan maruah yang munasabah.
- Tidak sesak atau terlebih penghuni.
- Diselenggara dalam keadaan bersih dan terjaga kebersihannya.

Sekiranya dikehendaki oleh undang-undang, penginapan yang disediakan oleh majikan hendaklah mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) serta peraturan lain yang berkaitan.

11. Kemudahan Air, Sanitasi dan Kebajikan

Pekerja hendaklah mempunyai akses kepada:

- Air minuman yang selamat.
- Tandas yang bersih.
- Kemudahan membasuh tangan.
- Bekalan pertolongan cemas asas.
- Akses yang munasabah kepada bantuan perubatan sekiranya sakit atau mengalami kecederaan.

12. Ahli Keluarga dan Kanak-kanak yang Tinggal di kawasan Ladang

- Sekiranya pekerja tinggal bersama keluarga mereka:
- Kanak-kanak tidak boleh terlibat dalam kerja ladang yang berbahaya.
- Kanak-kanak hendaklah mempunyai akses kepada pendidikan jika tersedia.
- Kanak-kanak tidak boleh menemani orang dewasa ke kawasan kerja berbahaya.

Majikan hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk mengelakkan kanak-kanak daripada terdedah kepada bahaya di tempat kerja, bahan kimia, jentera dan aktiviti penuaian.

13. Menyuarakan Kebimbangan atau Aduan

Pekerja boleh menyuarakan kebimbangan tanpa takut dikenakan tindakan balas melalui:

- Majikan.
- Kontraktor atau agensi.
- Mekanisme aduan MSPO.

Nota Penting

I. Lampiran ini mengandungi ringkasan hak-hak pekerja dan tanggungjawab utama majikan. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan sebagai panduan umum sahaja. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, undang-undang dan peraturan Malaysia yang berkuat kuasa hendaklah diguna pakai.

II. Sesetengah faedah bergantung kepada jenis dan tempoh pekerjaan. Pekerja digalakkan untuk berbincang dengan majikan mereka atau mendapatkan penjelasan daripada Jabatan Tenaga Kerja sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan.